

PENGANJURAN HARI BERSAMA PELANGGAN JABATAN TENAGA ATOM (ZON TENGAH) 2025

Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia) akan menganjurkan program “**HARI BERSAMA PELANGGAN JABATAN TENAGA ATOM (ZON TENGAH) 2025**” pada ketetapan dan lokasi seperti berikut:

Tajuk Program: **HARI BERSAMA PELANGGAN JABATAN TENAGA ATOM
(ZON TENGAH) 2025**

Tarikh: **11 November 2025 (Selasa)**

Tempat: **Hotel Lexis Port Dickson, Negeri Sembilan**

Objektif program ini adalah untuk mewujudkan platform berbentuk interaktif dengan pemegang lesen dan memberi peluang kepada pemegang lesen untuk mengetahui maklumat terkini mengenai perkhidmatan, kemudahan dan inisiatif terkini yang disediakan dan dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Atom. Selain itu, pemegang lesen juga berpeluang untuk mengemukakan pertanyaan, cadangan, aduan dan idea berkaitan perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Tenaga Atom.

Bagi penganjuran kali ini, satu sesi khas bersama pihak pengurusan Jabatan Tenaga Atom akan diadakan bagi membincangkan halatuju dan pendekatan kawalselia dibawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Pindaan 2025). Program kali ini mensasarkan penglibatan khusus kepada pemegang lesen di Zon Tengah meliputi negeri Selangor dan Negeri Sembilan sahaja. Program ini juga merupakan kesinambungan dari program hari bersama pelanggan di semua zon dibawah kawalselia Jabatan Tenaga Atom yang telah dijalankan sepanjang tahun 2025.

Sehubungan dengan itu, semua pemegang lesen Zon Tengah selaku Orang Bertanggungjawab Terhadap Lesen (OBTL) / Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS) / Penyelia Sinaran (PY) dijemput untuk menyertai program ini.

Penyertaan program ini adalah terhad kepada 80 orang sahaja dari kalangan pemegang lesen di Zon Tengah (Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Negeri Sembilan).

Pendaftaran hendaklah dibuat dengan melengkapkan Borang Pendaftaran melalui pautan Google Form ([KLIK DISINI](#)) ATAU dengan mengimbas kod QR yang dilampirkan.

Pendaftaran yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak Urusetia sebelum atau pada 05 November 2025 (Rabu). Permohonan yang berjaya akan dimaklumkan semula secara emel untuk pengesahan kehadiran.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan program ini, pihak YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Datin / Dr. / Ts. / Tuan/Puan, YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Datin / Dr. / Ts. / Tuan / Puan, boleh menghubungi En. Hafiz bin Hadzori (hafizh@atom.gov.my), Puan Suazlina Binti Mohd Ali (suazlina@atom.gov.my), Cik Ain Syamiera Binti Mohd Salleh (ain.syamiera@atom.gov.my) atau Cik Noor Afina Hafizha Binti Hasmuni (afinahafizha@atom.gov.my) untuk maklumat lanjut.

Sekian, terima kasih.

BAHAGIAN PENILAIAN DAN PERLESENAN (BPP)
JABATAN TENAGA ATOM

HARI BERSAMA PELANGGAN ZON TENGAH 2025



IMBAS DISINI

Dirasmikan oleh:
PUAN HAJAH NORAISHAH BINTI PUNGUT
Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Atom



11 NOVEMBER 2025



HOTEL LEXIS PORT DICKSON

MASA	AKTIVITI
8.00 pagi	Pendaftaran peserta
8.30 pagi	Ketibaan Ketua Pengarah Atom Malaysia
8.45 pagi	Nyanyian Lagu Negaraku
8.55 pagi	Bacaan doa
9.00 pagi	Kata-kata aluan (Pengarah BPP)
9.15 pagi	Perasmian program (Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Atom)
9.30 pagi	Sesi bergambar
9.45 pagi	Sesi 1: Aktiviti Penilaian dan Perlesenan dibawah Akta 304 dan sistem eSPP <i>Penceramah: Encik Kamarul Zaman bin Shafie</i>
10.45 pagi	Minum pagi
11.00 pagi	Sesi 2: Permohonan dan Penilaian Mata Program Pendidikan Berterusan (CEP) <i>Penceramah: Encik Mohd Isham Akmal bin Ismail</i>
12.00 tengah hari	Sesi 3: Permohonan Kebenaran dan sistem ePermit <i>Penceramah: Puan Dewisinta bt Mokhtar</i>
1.00 petang	Makan tengahari & rehat
2.30 petang	Sesi 4: Aktiviti Kawal Seliaan dibawah Akta 304 <i>Penceramah: Pegawai Bahagian Kawalselia Sinaran</i>
3.30 petang	Sesi 5: Sesi Bersama Pengurusan Atom Malaysia: "Halatuju Baharu, Strategi Mampan" : Menjana Kawalselia Dinamik di bawah Akta 304 (Pindaan 2025) Moderator: Cik Gan Pek Yen (Timb. Pengarah BPP) Panel: i) Puan Hajjah Noraishah Binti Pungut (Ketua Pengarah, Jabatan Tenaga Atom) ii) Encik Nik Mohd Faiz Bin Khairuddin (Pengarah Bahagian Penilaian dan Perlesenan, Jabatan Tenaga Atom) iii) Encik Mohd. Zulfadli Bin Ramli (Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Kawalselia Sinaran, Jabatan Tenaga Atom)
5.00 petang	Penutup & minum petang